

10/05/2002

Perjuangan Palestin perlu lebih berhemah

JENAYAH perang yang dilakukan rejim Tel Aviv hingga kem pelarian Jenin menjadi padang jarak padang tekukur baru-baru ini, meningkatkan momentum simpati dunia terhadap Palestin. Rentetan yang berlaku selepas itu antara lain menyaksikan pembebasan Yasser Arafat daripada tahanan pejabat di Ramallah, desakan Amerika Syarikat supaya rejim Yahudi itu berundur serta-merta dan kutukan masyarakat antarabangsa terhadap Israel hingga puluhan ribu berhimpun di pekarangan Rumah Putih. Meskipun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berdolak-dalik dalam melaksanakan ketetapan Majlis Keselamatannya untuk menghantar sepasukan pencari fakta ke Jenin dan kemudian membubarkan misi berkenaan atas ugutan Israel, keprihatinan dunia terhadap Palestin mencapai kemuncaknya. Mayat penduduk Palestin yang bergelimpangan manakala yang cedera dihalang daripada mendapatkan rawatan, cukup menimbulkan keinsafan terhadap perlunya perjuangan mereka diiktiraf.

Hanya dalam sekelip mata, semua itu seakan-akan berubah. Serangan seorang pengebom berani mati Palestin di sebuah dewan snuker yang sesak di Rishon LeZion dekat Tel Aviv kelmarin yang membunuh 17 orang serta mencederakan 57 yang lain - ketika Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, sedang berunding dengan Presiden George W Bush di Washington - kembali menekan Palestin. Israel, di samping berikrar membalas dendam dan boleh diyakini akan melakukannya tanpa berlengah, mengeksploitasi sepenuhnya kejadian itu dengan mencanangkan bahawa Palestin memang tidak mahukan keamanan. Secara tidak langsung juga, gerakan ganas tentera Yahudi di Tebing Barat sebelumnya dengan sendirinya ditenggelami. Sekalipun penderitaan 3.3 juta penduduk Palestin ketika ini boleh difahami hingga mendorong segelintir mereka memilih tindakan berkenaan, adalah jelas ia adalah tindak balas tidak bersesuaian yang dilakukan pada ketika paling tidak bertepatan.

Analisis Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa apa juga tindakan Palestin yang didorong oleh kemarahan meluap-luap dan rasa geram tidak terbatas hanya akan mensesiakan matlamat sebenar mereka, tidak mungkin lebih tepat. Sebagaimana hujah Perdana Menteri pada majlis Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan di ibu negara malam kelmarin, kesungguhan dan keberanian semata-mata tidak akan memberi hasil jika tidak dimanfaatkan dengan betul. Serangan pengebom berani mati, selain menyebabkan korban diri sendiri serta sebilangan kecil rakyat Israel, hanya mengundang kemusnahan lebih besar apabila rejim Zionis itu bertindak balas. Selama ini pun, Palestin akur bahawa ia tidak mungkin dapat menandingi kekuatan Israel yang mendapat sokongan dan bantuan persenjataan canggih Amerika. Dalam keadaan Palestin yang lemah - negara Islam lain pula tidak pun bersatu untuk membantu secara berkesan - nasib mereka tidak akan berubah dalam masa singkat.

Perang tidak hanya bermaksud kepada penggunaan senjata dan keberanian. Sebaliknya, ada peperangan yang dimenangi hanya dengan menggunakan kebijaksanaan dan tipu-daya. Diplomasi dan tindakan rasional seperti dicadangkan Dr Mahathir harus juga dipertimbangkan Palestin berasaskan hakikat tidak semua negara Barat memihak kepada Israel. Andainya Palestin lebih bersabar, sebagaimana kesabarannya sudah banyak teruji selama lebih separuh abad lalu, merancang strategi lebih ampuh dengan tidak mengulangi kesilapan lampau, manakala negara Islam pula bersatu-padu menjayakan perjuangan mereka, kejayaan lambat laun akan diperoleh juga. Ketika ini, kekuatan Palestin ialah pada kesungguhan rakyatnya dalam menuntut sebuah

negara mereka sendiri yang berdaulat dan merdeka selain simpati ramai terhadap penderitaan mereka. Sewajarnya kekuatan inilah yang perlu terus dipertingkatkan dan bukan memusnahkannya hanya kerana kemarahan dan keberanian yang akan mensasarkan Palestin daripada matlamat sebenar mereka.

(END)